



PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA SYARIKAT (PINDAAN), 2018

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran
2. Penasukan Bahagian VIA baru ke dalam Penggal 39
3. Pindaan bab 304A
4. Pindaan berbangkit kepada S 1/2016



PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA SYARIKAT (PINDAAN), 2018

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut –

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Syarikat (Pindaan), 2018.

Pemasukan Bahagian VIA baru ke dalam Penggal 39

2. Akta Syarikat, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas Bahagian VI Bahagian baru yang berikut –

“BAHAGIAN VIA

PEMOTONGAN

Kuasa Pendaftar untuk memotong syarikat tidak berfungsi daripada daftar

- 287A. (1) Jika Pendaftar mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu syarikat tidak menjalankan perniagaan atau tidak beroperasi, dia boleh menghantar kepada syarikat itu melalui pos surat yang bermaksud sedemikian dan menyatakan bahawa jika jawapan yang menunjukkan sebab yang bertentangan tidak diterima dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat itu, suatu notis hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan* dengan tujuan untuk memotong nama syarikat itu daripada daftar.

(2) Tanpa menjelaskan keluasan makna ceraian (1), dalam memutuskan sama ada terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu syarikat tidak menjalankan perniagaan, Pendaftar boleh mengambil kira syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

(3) Melainkan jika Pendaftar menerima jawapan dalam masa satu bulan dari tarikh surat itu yang bermaksud bahawa syarikat itu menjalankan perniagaan atau beroperasi, dia boleh menyiaran dalam *Warta Kerajaan* dan menghantar kepada syarikat itu melalui pos berdaftar, suatu notis bahawa pada tamatnya tempoh 3 bulan dari tarikh notis itu, nama syarikat yang disebutkan di dalamnya akan, melainkan jika sebab yang bertentangan ditunjukkan, dipotong daripada daftar dan syarikat itu akan dibubarkan.

(4) Jika dalam sebarang hal apabila suatu syarikat digulung dan Pendaftar mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa –

- (a) penyelesaikan hutang-piutang tiada bertindak;
- (b) urusan syarikat itu digulung sepenuhnya dan bagi tempoh 6 bulan penyelesaikan hutang-piutang itu gagal menyerahkan apa-apa penyata yang dikehendaki untuk dibuat olehnya; atau
- (c) urusan syarikat itu telah digulung sepenuhnya oleh Mahkamah dibawah Penggal VI Bahagian V Perintah Ketidaksovenan, 2016 (S 1/2016) dan tidak ada aset atau aset yang tersedia ada tidak mencukupi untuk membayar kos mendapatkan suatu perintah Mahkamah yang membubarkan syarikat itu, dia boleh menyiaran dalam *Warta Kerajaan* dan menghantar kepada syarikat itu atau penyelesaikan hutang-piutang, jika ada, suatu notis yang sama maksudnya sebagaimana yang disebut dalam ceraian (3).

(5) Jika Pendaftar berpendapat bahawa –

- (a) pejabat berdaftar suatu syarikat atau nama dan alamat penyelesaikan hutang-piutang atau penandatangan dalam memorandum persatuan suatu syarikat tidak dapat dipastikan; atau

(b) surat atau notis yang akan dihantar di bawah ceraian (1), (3) atau (4) tidak mungkin diterima oleh orang yang kepadanya surat atau notis itu akan ditujukan,

maka adalah pematuhan yang mencukupi terhadap peruntukan-peruntukan ceraian itu jika Pendaftar menyiarkan dalam *Warta Kerajaan* suatu notis yang menyatakan bahawa pada tamatnya tempoh 3 bulan dari tarikh penyiaran notis itu nama syarikat yang disebutkan di dalamnya hendaklah, melainkan jika sebab yang bertentangan ditunjukkan, dipotong daripada daftar dan syarikat itu akan dibubarkan.

(6) Pada tamatnya tempoh masa yang disebutkan dalam notis itu, Pendaftar –

(a) boleh, melainkan jika sebab yang bertentangan ditunjukkan terlebih dahulu, memotong nama syarikat itu daripada daftar; dan

(b) hendaklah menyiarkan notis mengenainya dalam *Warta Kerajaan*, dan selepas notis itu disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, syarikat itu hendaklah dibubarkan; tetapi –

(i) liabiliti, jika ada, setiap pegawai dan ahli syarikat itu hendaklah diteruskan dan boleh dikuatkuasakan seolah-olah syarikat itu tidak dibubarkan; dan

(ii) tiada sebarang apa pun dalam ceraian ini boleh menyentuh kuasa Mahkamah untuk menggulung suatu syarikat yang namanya telah dipotong daripada daftar.

(7) Jika mana-mana orang merasa tidak puas hati dengan pemotongan nama syarikat itu daripada daftar, Mahkamah boleh atas permohonan yang dibuat oleh orang itu pada bila-bila masa dalam tempoh 15 tahun selepas nama syarikat itu dipotong, jika berpuas hati –

(a) bahawa syarikat itu pada masa pemotongan itu menjalankan perniagaan atau beroperasi; atau

(b) selainnya adalah patut supaya nama syarikat itu dimasukkan semula ke dalam daftar,

memerintahkan nama syarikat itu dimasukkan semula ke dalam daftar.

(8) Selepas satu salinan perintah itu diserahkan kepada Pendaftar, syarikat itu adalah dianggap terus wujud seolah-olah namanya tidak dipotong, dan Mahkamah boleh dengan perintah memberikan arahan dan membuat peruntukan-peruntukan yang difikirkan patut untuk meletakkan syarikat itu dan semua orang lain dalam kedudukan yang sama sehampir yang boleh seolah-olah nama syarikat itu tidak dipotong.

(9) Suatu notis yang akan dihantar di bawah bab ini kepada penyelesai hutang-piutang boleh dialamatkan kepada penyelesai hutang-piutang itu di tempat perniagaannya yang terakhir diketahui, dan surat atau notis yang akan dihantar di bawah bab ini kepada suatu syarikat boleh dialamatkan kepada syarikat itu di pejabat berdaftarnya atau, jika pejabat tiada didaftarkan, di alamat seseorang pegawai syarikat itu, atau, jika tiada pegawai syarikat itu yang nama dan alamatnya diketahui oleh Pendaftar, boleh dihantar kepada tiap-tiap orang yang menandatangani memorandum syarikat itu yang dialamatkan kepadanya di alamat yang disebutkan dalam memorandum tersebut.

(10) Pendaftar hendaklah memastikan bahawa –

(a) butir-butir syarikat yang disebut dalam ceraian (1) dan kepercayaannya bahawa syarikat itu tidak menjalankan perniagaan atau tidak beroperasi, sebagaimana yang mungkin ditentukannya, dihantar kepada –

- (i) Pemungut Cukai Pendapatan yang dilantik di bawah Akta Cukai Pendapatan (Penggal 35); dan
- (ii) Dana Tabung Amanah Pekerja yang ditubuhkan oleh Perintah Lembaga Tabung Amanah Pekerja, 2016 (S 41/2016); dan

(b) isi notis yang akan disiarkan dalam *Warta Kerajaan* yang disebut dalam ceraian-ceraian (3), (4) dan (5) juga disiarkan oleh Pendaftar mengikut cara lain sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Pendaftar.

Pemotongan atas permohonan syarikat

287B. (1) Pendaftar boleh, atas permohonan suatu syarikat dan setelah bayaran yang ditetapkan dibayar, memotong nama syarikat itu daripada daftar atas alasan dan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

(2) Suatu permohonan di bawah ceraian (1) hendaklah dibuat bagi pihak syarikat itu oleh pengarah-pengarahnnya atau dengan majoriti mereka.

(3) Selepas permohonan itu diterima, Pendaftar hendaklah, jika berpuas hati bahawa alasan dan syarat-syarat (jika ada) yang disebut dalam ceraian (1) telah dipenuhi, menghantar kepada syarikat itu dan pengarah-pengarah, setiausaha-setiausaha dan ahli-ahlinya surat yang memberitahu mereka mengenai permohonan itu dan menyatakan bahawa jika jawapan yang menunjukkan sebab yang bertentangan tidak diterima dalam tempoh 30 hari selepas tarikh surat itu, suatu notis, yang butir-butirnya dinyatakan dalam ceraian (4), akan disiarkan dalam *Warta Kerajaan* dengan tujuan untuk memotong nama syarikat itu daripada daftar.

(4) Pendaftar tidak boleh memotong nama suatu syarikat daripada daftar di bawah bab ini sehingga selepas tamanya tempoh 60 hari selepas Pendaftar menyatakan dalam *Warta Kerajaan* suatu notis –

- (a) yang menyatakan bahawa Pendaftar bercadang hendak menjalankan kuasa di bawah bab ini berhubung dengan syarikat itu; dan
- (b) yang menjemput mana-mana orang untuk menunjukkan sebab mengapa itu tidak patut dilakukan dalam tempoh sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Pendaftar.

(5) Jika tiada seorang pun menunjukkan sebab atau sebab yang mencukupi dalam tempoh yang disebut dalam ceraian (4)(b) tentang mengapa nama syarikat itu tidak patut dipotong daripada daftar, Pendaftar hendaklah memotong nama syarikat itu daripada daftar dan menyatakan suatu notis dalam *Warta Kerajaan* mengenai nama syarikat yang telah dipotong itu.

(6) Selepas notis itu disiarkan dalam *Warta Kerajaan* di bawah ceraian (5), syarikat itu dibubarkan.

- (7) Walaupun syarikat itu dibubarkan di bawah ceraian (6) –

- (a) liabiliti, jika ada, setiap pegawai dan ahli syarikat itu hendaklah diteruskan dan boleh dikuatkuasakan seolah-olah syarikat itu tidak dibubarkan; dan
- (b) tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh menyentuh kuasa Mahkamah untuk menggulung suatu syarikat yang namanya telah dipotong daripada daftar.

(8) Pendaftar hendaklah memastikan bahawa –

(a) butir-butir syarikat itu dan permohonan yang disebut dalam ceraian (1), sebagaimana yang mungkin ditentukannya, dihantar kepada –

- (i) Pemungut Cukai Pendapatan yang dilantik di bawah Akta Cukai Pendapatan (Penggal 35); dan
- (ii) Dana Tabung Amanah Pekerja yang ditubuhkan oleh Perintah Lembaga Tabung Amanah Pekerja, 2016 (S 41/2016); dan

(b) isi notis yang akan disiarkan dalam *Warta Kerajaan* yang disebut dalam ceraian-ceraian (4) dan (5) juga disiarkan oleh Pendaftar mengikut cara lain sebagaimana yang difikirkannya sesuai.

(9) Pendaftar boleh, bagi maksud-maksud bab ini, menghantar notis kepada syarikat itu melalui pos biasa atau mengikut cara lain sebagaimana yang difikirkannya sesuai.

Penarikan balik permohonan

287C. (1) Pemohon atau pemohon-pemohon boleh, dengan notis bertulis kepada Pendaftar dan selepas membayar bayaran yang ditetapkan, menarik balik permohonan untuk memotong nama suatu syarikat daripada daftar di bawah bab 287B pada bila-bila masa sebelum nama syarikat itu dipotong daripada daftar.

(2) Selepas menerima notis yang disebut dalam ceraian (1), Pendaftar hendaklah –

- (a) menghantar kepada syarikat itu melalui pos biasa suatu notis bahawa permohonan untuk memotong nama syarikat itu daripada daftar telah ditarik balik; dan
- (b) menyiarluaskan suatu notis, mengikut cara sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Pendaftar, bahawa permohonan untuk memotong nama syarikat itu daripada daftar telah ditarik balik.

Bantahan terhadap pemotongan

- 287D.** (1) Jika suatu notis diberikan atau disiarkan oleh Pendaftar di bawah bab 287A(3) atau 287A(4) mengenai niat Pendaftar untuk memotong nama syarikat itu daripada daftar, mana-mana orang boleh mengemukakan, tidak lewat dari tarikh yang dinyatakan dalam notis itu, suatu bantahan terhadap pemotongan nama syarikat itu daripada daftar atas alasan bahawa terdapat sebab yang munasabah mengapa nama syarikat itu tidak patut dipotong, termasuk bahawa syarikat itu tidak memenuhi mana-mana alasan yang ditetapkan bagi pemotongan yang disebut dalam bab 287A(1) atau 287B(1).
- (2) Suatu bantahan terhadap pemotongan nama syarikat itu daripada daftar yang disebut dalam ceraian (1) hendaklah diberikan kepada Pendaftar dengan notis.
- (3) Selepas menerima suatu notis bantahan, yang dibuat dalam bentuk dan mengikut cara sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pendaftar, dan selepas bayaran yang ditetapkan dibayar, dalam masa yang disebut dalam ceraian (1), Pendaftar hendaklah –
- (a) jika berkenaan, memberikan kepada pemohon atau pemohon-pemohon bagi pemotongan nama syarikat itu daripada daftar, notis bantahan itu; dan
 - (b) dalam memutuskan sama ada untuk menbenarkan bantahan itu, mengambil kira pertimbangan-pertimbangan sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

Permohonan untuk memasukkan semula ke dalam daftar secara pentadbiran

287E. (1) Tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditetapkan, suatu permohonan boleh dibuat kepada Pendaftar untuk memasukkan semula ke dalam daftar nama suatu syarikat yang namanya telah dipotong daripada daftar oleh Pendaftar di bawah bab 287A(6), jika permohonan tiada dibuat atau tidak dibuat kepada Mahkamah untuk memasukkan semula nama syarikat itu ke dalam daftar di bawah bab 287A(7).

(2) Suatu permohonan di bawah bab ini boleh dibuat sama ada atau tidak syarikat itu telah dibubarkan akibat daripadanya.

(3) Suatu permohonan di bawah bab ini hanya boleh dibuat oleh pengarah terdahulu atau ahli terdahulu syarikat itu.

(4) Suatu permohonan di bawah bab ini adalah tidak sah melainkan jika permohonan itu diterima oleh Pendaftar dalam tempoh 15 tahun selepas tarikh syarikat itu dibubarkan.

Keputusan Pendaftar atas permohonan bagi pemasukan semula secara pentadbiran

287F. (1) Pendaftar hendaklah memberikan notis kepada pemohon mengenai keputusannya atas suatu permohonan di bawah bab 287E.

(2) Jika keputusan Pendaftar adalah bahawa nama syarikat itu patut dimasukkan semula ke dalam daftar –

(a) pemasukan semula itu berkuat kuasa mulai dari tarikh notis itu dihantar; dan

(b) Pendaftar hendaklah –

(i) mencatatkan dalam daftar suatu nota mengenai tarikh pemasukan semula itu berkuat kuasa; dan

(ii) menyebabkan notis pemasukan semula itu disiarkan dalam *Warta Kerajaan* atau mengikut cara lain sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Pendaftar.

- (3) Notis di bawah ceraian (2)(b)(ii) hendaklah menyatakan –
- (a) nama syarikat itu atau, jika syarikat itu dimasukkan semula ke dalam daftar di bawah nama yang berlainan, nama itu dan nama dahulunya;
 - (b) nombor pendaftaran syarikat itu; dan
 - (c) tarikh pemasukan semula nama syarikat itu ke dalam daftar berkuat kuasa.

(4) Jika keputusan Pendaftar adalah bahawa nama syarikat itu tidak patut dimasukkan semula ke dalam daftar, orang yang membuat permohonan di bawah bab 287E atau mana-mana orang lain yang tidak puas hati dengan keputusan Pendaftar boleh merayu kepada Mahkamah.

- (5) Apabila suatu rayuan dibuat di bawah bab (4), Mahkamah boleh –
- (a) mengesahkan keputusan Pendaftar; atau
 - (b) memasukkan semula nama syarikat itu ke dalam daftar dan memberikan arahan dan membuat perintah sebagaimana Mahkamah diberi kuasa untuk memberikan dan membuatnya di bawah bab 287H(3).

Pendaftar boleh memasukkan semula syarikat yang pendaftarannya dibatalkan kerana kesilapan

287G. (1) Pendaftar boleh, atas inisiatifnya sendiri, memasukkan semula nama suatu syarikat ke dalam daftar jika dia berpuas hati bahawa nama syarikat itu telah dipotong daripada daftar dan syarikat itu dibubarkan di bawah bab 287A atau 287B disebabkan oleh kesilapan Pendaftar.

(2) Dalam ceraian (1), sebutan kepada kesilapan Pendaftar tidak termasuk kesilapan yang dibuat berdasarkan maklumat salah, palsu atau mengelirukan yang diberikan oleh pemohon berhubung dengan permohonan untuk memotong nama syarikat itu daripada daftar di bawah bab 287B.

(3) Pendaftar boleh memasukkan semula nama suatu syarikat ke dalam daftar dengan menyiarkan dalam *Warta Kerajaan* atau mengikut cara lain sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Pendaftar, suatu notis yang mengisyiharkan pemasukan semula itu, dan pemasukan semula itu berkuat kuasa pada tarikh notis itu disiarkan.

Kesan pemasukan semula

287H. (1) Jika nama suatu syarikat dimasukkan semula ke dalam daftar di bawah bab 287F(2) atau 287G, atau atas rayuan kepada Mahkamah di bawah bab 287F(5), syarikat itu hendaklah dianggap sebagai terus wujud seolah-olah namanya tidak dipotong daripada daftar.

(2) Syarikat dan pengarah-pengarahnnya, atau setiap wakil yang diberi kuasa suatu syarikat asing, tidak akan dikenakan penalti di bawah bab 312 bagi tahun kewangan yang berkaitan dengannya tempoh memfailkan akaun untung dan rugi dan kunci kira-kiranya dan dokumen lain yang berkaitan berakhir –

- (a) selepas tarikh pembubaran atau pemotongan; dan
- (b) sebelum pemasukan semula nama syarikat itu ke dalam daftar.

(3) Atas permohonan mana-mana orang, Mahkamah boleh memberikan arahan dan membuat perintah sebagaimana yang difikirkannya patut untuk meletakkan syarikat itu dan semua orang lain dalam kedudukan yang sama (sehampir yang boleh) seolah-olah syarikat itu tidak dibubarkan atau namanya tidak dipotong daripada daftar.

(4) Suatu permohonan kepada Mahkamah bagi arahan atau perintah tersebut boleh dibuat pada bila-bila masa dalam tempoh 3 tahun selepas tarikh pemasukan semula nama syarikat itu ke dalam daftar.”.

Pindaan bab 304A

3. Bab 304A dari Akta itu adalah dipinda, dalam ceraian (6), dengan memotong “Perintah Ketidaksovenan, 2016” dari baris keempat dan menggantikannya dengan “Akta ini”.

Pindaan berbangkit kepada S 1/2016

4. Perintah Ketidaksovenan, 2016 adalah dipinda dengan memansuhkan bab 157.

Diperbuat pada hari ini 3 haribulan Muharram 1440 Tahun Hijrah 1439
bersamaan dengan 13 haribulan September 2018 di Istana Nurul
Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.